

11/05/2003

PM tetap undur Oktober (HL)

Misiah Taib; Ridzuan Yop; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada orang tertentu meragui keputusan beliau untuk berundur Oktober ini, malah sesetengahnya mahu beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri lebih awal.

"Ada orang yang meragui saya akan pergi (berundur). Ada yang berkata saya patut pergi sekarang. Saya tak tahu kenapa. Saya rasa mereka tidak percaya saya akan berundur Oktober nanti. Itu pandangan mereka. Mereka sering kali sangsi kepada saya.

"Apa pun saya tetap akan berundur sebagai Perdana Menteri, Pengerusi BN dan Presiden Umno, Oktober ini. Pengganti saya yang akan mengetuai BN pada pilihan raya akan datang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan pemimpin serta wakil parti-parti komponen BN yang lain.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihatkan semua parti komponen BN supaya menyelesaikan segera masalah dalaman parti, merapatkan barisan dan menumpukan perhatian kepada persiapan bagi menghadapi pilihan raya.

Beliau berkata, mereka perlu mengeneipkan segala perselisihan sesama mereka dan berdiri teguh di belakang BN, bagi memastikan semua calon BN akan menang dengan majoriti besar pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, setiap parti komponen BN perlu mengelak daripada apa saja yang boleh melemahkan parti komponen.

"Semua parti komponen BN ada masalah dalaman, ada yang berebut-rebut (kedudukan dalam parti). Jadi saya nak ingatkan, kita perlu ketepikan segala perselisihan sesama kita untuk menumpu perhatian kepada pilihan raya," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Perdana Menteri berkata, BN perlu mendapat kemenangan besar dalam pilihan raya akan datang bagi membentuk sebuah kerajaan yang kuat dan kukuh, sekali gus untuk menjamin negara ini bebas dari ancaman penjajahan semula kuasa asing.

"Ini kerana sedikit demi sedikit penjajah kembali dengan keinginan mereka untuk menjajah semula dan mereka memberi banyak alasan kenapa mereka perlu campur tangan dalam urusan rumah tangga kita.

"Mereka sekarang membuat tuduhan kononnya ada negara yang tidak demokratik, tidak menghormati hak asasi manusia, mempunyai rejim yang menekan, tidak mengamalkan sistem perniagaan bebas dan telus dan bermacam-macam lagi," katanya.

Justeru, beliau berkata, rakyat negara ini perlu memberi kemenangan

besar kepada BN pada pilihan raya akan datang, bagi memastikan kerajaan yang dibentuk kuat dan mampu menangani segala cabaran serta mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman luar.

Dr Mahathir berkata, kekuatan sesebuah negara hanya akan datang, kalau rakyat dapat tentukan tidak ada huru hara dalam negara dan memilih untuk membentuk kerajaan yang kuat seperti kerajaan BN yang ada sekarang ini.

"Tahun depan kita akan ada pilihan raya. Ada sesetengah orang kata mungkin tahun ini akan ada pilihan raya. Mereka boleh kata apa saja. Ramalan mereka adalah ramalan mereka.

"Sama ada kita ada pilihan raya tahun ini, tahun depan atau esok, itu adalah keputusan kita sebagai parti yang memerintah. Apa yang penting semua parti komponen BN perlu bersiap sedia dan menyelesaikan segala masalah dalaman parti," katanya.

Beliau juga mengingatkan BN memerlukan majoriti besar pada pilihan raya akan datang kerana majoriti yang tipis boleh menyebabkan BN diugut oleh ahlinya sendiri.

Katanya, jika menang tipis dengan kelebihan satu atau dua kerusi, ada ahli yang mungkin menuntut perkara untuk diri mereka sendiri dan jika tidak diberi, mereka akan belot dengan melompat kepada parti lawan dan parti lawan pula yang akan mendapat majoriti untuk membentuk kerajaan.